

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

**PEMBINAAN, KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN ALAT UKUR  
KEPERLUAN ASAS BERDASARKAN TEORI PILIHAN  
(CHOICE THEORY)**

**KAREN WONG MEI SING**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI 2012 PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN


Kajian ini dijalankan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (*Choice Theory*). Seramai 5 orang pakar yang terlibat dalam mengesahkan alat kajian ini. Dapatkan menunjukkan bahawa kelima-lima pakar memberi kesahan yang tinggi iaitu skor sebanyak 91% dalam alat ukur tersebut. Seramai 119 orang pelajar Tingkatan Empat yang terlibat untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen ini. Alat kajian yang digunakan ialah soal selidik yang mengandungi 85 item dengan 5 subskala yang telah diubahsuai berdasarkan Teori Pilihan. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah *Cronbach Alpha* dan uji dan uji kembali. Keputusan kajian menunjukkan hanya 47 item daripada 85 item dalam alat ukur ini yang bermutu. Secara keseluruhan, pekali kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* adalah pada tahap yang baik dengan nilai .871. Sehubungan dengan keputusan yang diperoleh, beberapa cadangan telah dikemukakan.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## ABSTRACT

The aim of this study is to measure validity and reliability of Basic Needs who created by William Glasser. 5 panels were involved in verifying this instrument. The findings indicated that the 5 experts gave a high validity of 91% in the measuring instrument. 119 Form Four students from 2 different schools choosed from group sampling to measure the reliability of this instrument. The instrument used in this study was the questionnaire with 85 items among 5 subscale that has been modified based on Choice Theory. The data were then analyzed using *Cronbach Alpha* and test-retest. The results showed that only 47 items from 85 items instrument are significant. Overall, the *Cronbach Alpha* reliability coefficient is in good working order with the value of reliability .871. In summary, several implications and suggestions were made.



**SENARAI KANDUNGAN**

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pendekatan Teori	5
1.3.1 Teori Pilihan ( <i>Choice Theory</i> )	5
1.3.2 Model Pembinaan Soal Selidik (Brown, 1983 dalam Sidek, 2005)	12
1.4 Pernyataan Masalah	16
1.5 Tujuan Kajian	18
1.6 Objektif Kajian	18
1.7 Soalan Kajian	18
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	19
1.9 Kepentingan Kajian	20
1.10 Definisi Konsep dan Definisi Operasional	23
1.10.1 Keperluan Asas ( <i>Basic Needs</i> )	23

1.10.1.1 Kelangsungan Hidup	23
1.10.1.2 Kepunyaan	24
1.10.1.3 Kekuasaan	24
1.10.1.4 Kebebasan	25
1.10.1.5 Keseronokan	26
1.10.2 Kesahan	26
1.10.3 Kebolehpercayaan	29
1.11 Rumusan	31

## **AB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	32
2.2 Kajian-kajian Lepas Tentang Kesahan dan Kebolehpercayaan	33
2.2.1 Kajian Di Luar Negara	33
2.2.2 Kajian Di Dalam Negara	35
2.3 Kajian-kajian Lepas Berbentuk Intervensi	40
2.4 Rumusan	47

## **AB 3 METODOLOGI**

3.1 Pengenalan	48
3.2 Reka Bentuk Kajian	49
3.2.1 Kesahan Alat Ukur	49
3.2.2 Kebolehpercayaan Alat Ukur	51
3.2.3 Prosedur Menjalankan Ujian	53

3.3 Lokasi Kajian
-------------------

3.4 Populasi dan Persampelan
------------------------------

3.4.1 Populasi Kajian	58
3.4.2 Sampel Kajian	59
3.5 Alat Kajian	62
3.5.1 Bahagian A: Biodata Diri	62
3.5.2 Bahagian B: Soal Selidik	63
3.6 Pemarkatan	63
3.7 Penganalisaan Data Kajian	65
3.8 Rumusan	66

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	67
4.2 Profil Subjek Kajian	67
4.3 Kesahan Alat Ukur Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan	68
4.4 Kebolehpercayaan Alat Ukur Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan	77
4.4.1 Subkonstruk 1 (Kelangsungan Hidup)	78
4.4.2 Subkonstruk 2 (Kepunyaaan)	81
4.4.3 Subkonstruk 3 (Kuasa)	85
4.4.4 Subkonstruk 4 (Kebebasan)	89
4.4.5 Subkonstruk 5 (Keseronokan)	93
4.5 Rumusan	97

## AB 5 PERBINCANGAN

5.3 Perbincangan	100
5.3.1 Nilai Pekali Kesahan Alat Ukur Keperluan Asas	101
5.3.2 Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alat Ukur Keperluan Asas	103
5.4 Implikasi Kajian	108
5.4.1 Implikasi Teoritikal	108
5.4.2 Implikasi Praktikal	110
5.5 Masalah Semasa Menjalankan Kajian	111
5.6 Cadangan	112
5.7 Sumbangan	114
5.8 Rumusan	114

**RUJUKAN****LAMPIRAN**

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
3.1 Nilai Pekali Kebolehpercayaan	56
3.2 Jumlah Populasi Responden Sekolah Menengah Harian	59
3.3 Kepakaran Bidang Panel Pakar	60
3.4 Bilangan dan Nombor Item Untuk Keperluan Asas	64
4.1 Penilaian Kesahan Kandungan Soal Selidik	70
4.2 Penambahbaikan Kesahan Kandungan Soal Selidik	75
4.3 Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 1: Kelangsungan Hidup)	79
4.4 Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 1: Kelangsungan Hidup)	80
4.5 Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 1: Kelangsungan Hidup)	80
4.6 Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 2: Kepunyaan)	82
4.7 Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 2: Kepunyaan)	83
4.8 Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 2: Kepunyaan)	84
.9 Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 3: Kuasa)	86
.10 Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 3: Kuasa)	87
.11 Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 3: Kuasa)	88
.12 Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 4: Kebebasan)	90

4.13	Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 4: Kebebasan)	91
4.14	Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 4: Kebebasan)	92
4.15	Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 5: Keseronokan)	94
4.16	Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 5: Keseronokan)	95
4.17	Keputusan Analisis Item Alat Ukuran Keperluan Asas Berdasarkan Teori Pilihan (Subkonstruk 5: Keseronokan)	96
5.1	Persamaan Item-item Daripada Kajian Pengkaji dan Kajian Burns et al. (2006)	102

**Rajah****Muka Surat**

1.1	Kerangka Teoritikal ( <i>Choice Theory</i> )	11
1.2	Aliran Proses Pembentukan Alat Ukuran	13
1.3	Kerangka Konseptual Keperluan Asas	19
1.4	Formula Kesahan Kandungan	28
3.1	Persampelan Pelajar	61

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Manusia hidup banyak bergantung kepada keperluan asas (*basic needs*). Menurut Glasser (1967) terdapat lima keperluan asas dalam Teori Pilihan (*Choice Theory*) yang perlu dipenuhi oleh setiap manusia. Keperluan asas tersebut ialah kelangsungan hidup, kepunyaan, kekuasaan, kebebasan dan keseronokan. Kelima-lima keperluan asas ini akan membawa kepada identiti diri seseorang individu. Ianya akan tercapai apabila individu itu diterima oleh orang lain atau masyarakat. Yang paling penting dalam keperluan psikologi ialah seseorang itu akan mengalami rasa cinta dan rasa ihargai.

Menurut Glasser (1984) dalam Sapora Sipon (2008), sekiranya keperluan-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
gagal, personaliti tidak seimbang, kurang yakin diri dan cepat putus asa. Kegagalan ini akan menjurus kepada masalah sosial mahupun jenayah berlaku dalam masyarakat.

Pietrofesa (1984) dalam Sapora Sipon (2008) berpendapat bahawa satu tingkah laku manusia adalah bertujuan untuk mencapai atau memenuhi keperluan asas diri. Menurutnya sekiranya tingkah laku tersebut dapat dipenuhi, manusia akan bertanggungjawab dan mempunyai identiti berjaya. Sebaliknya sekiranya manusia tidak dapat memenuhi keperluan asas mereka, manusia akan menghadapi identiti gagal dan dikatakan tidak bertanggungjawab.

Oleh itu, bersesuaian dengan kajian yang dijalankan ini, di mana kajian ini dijalankan adalah untuk membina kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur keperluan asas berdasarkan Teori Pilihan oleh Glasser. Tujuan kajian ini ialah untuk memastikan alat ukur tersebut mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi supaya sesuai digunakan untuk mengesan psikologi seseorang individu dan boleh digunakan untuk mengukur keperluan asas psikologi manusia.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Satu tingkah laku sama ada menolong atau menghalang adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan asas manusia. Keperluan tersebut merupakan keperluan untuk disayangi dan menyayangi orang lain dan keperluan merasa dihargai dan menghargai orang lain. Tingkah laku yang dapat dipenuhi dikatakan bertanggungjawab dan yang gagal adalah sebaliknya. Tingkah laku yang tidak bertanggungjawab akan membina identiti gagal dan seterusnya menimbulkan individu bermasalah.

Dalam bidang kaunseling, setakat ini dijumpai hanya beberapa alat ukur yang telah digunakan di Malaysia untuk menilai personaliti, kerjaya, konsep kendiri dan sebagainya. Antaranya seperti ujian minat kerjaya. Ujian minat kerjaya merupakan satu alat ukuran untuk mengenal pasti minat individu tentang sesuatu aktiviti dalam pekerjaan-pekerjaan yang khusus berdasarkan persekitaran kerja (Nowak, 1986 dalam Sidek, 2002). Contoh ujian minat kerjaya yang popular ialah *Vocational Preference Inventory* (VPI) dan *Self-Directed Search* (SDS) yang diperkenalkan oleh Holland (1973, 1985, 1996). *Inventori Minat Kerjaya Sidek* (IMKS) yang telah dibina oleh Sidek (1996).

Selain itu, ujian personaliti ialah alat ukuran khusus yang digunakan untuk menentukan sejauh mana seseorang itu mempunyai tret-tret atau ciri-ciri lain dengan mengukur sejauh mana samanya gerak balas yang diberi dengan kumpulan-kumpulan ijukan yang mempunyai tret-tret atau ciri-ciri berkenaan (Shertzer & Linden 1979 dalam Sidek 2002). Antara ujian personaliti yang popular ialah *Junior Eysenck Personality Inventory* (JEP), *Edward Personal Preference Psychological Inventory*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (CPI), Tennessee Self Concept Scale (TSCS), Inventori Personaliti Warna (IPW) dan  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS Inventori Personaliti Sidek (IPS) (Sidek 2002).

Sehingga kini pengkaji masih tidak menjumpai kajian lepas tentang alat ukur keperluan asas manusia yang sah digunakan di negara kita. Pengkaji hanya menjumpai dua laporan kajian yang dijalankan oleh Burns (2006) dan LaFond (2000) tentang alat ukur keperluan asas di luar negara. Alat ukur yang sah digunakan di luar negara tidak semestinya sesuai digunakan di negara kita. Oleh itu kajian ini sangat perlu dan sangat sesuai dijalankan untuk memastikan terdapat satu alat ukur yang tinggi kesahan dan kebolehpercayaan serta sesuai digunakan di negara Asia terutama sekali di Malaysia untuk membantu setiap manusia lebih memahami keperluan asas diri dan memenuhi keperluan asas yang tidak dipenuhi.



### 1.3 Pendekatan Teori

Teori adalah kenyataan yang mengandungi konsep-konsep dan perkaitan yang membolehkan seseorang memahami, menjelaskan, menerang, menilai dan membuat ramalan terhadap fenomena. Teori adalah peta tentang kebenaran, jawapan sementara yang dibentuk bagi persoalan yang timbul tentang sesuatu fenomena. Teori yang akan dibincangkan dengan terperinci iaitu Teori Pilihan. Teori ini akan dijadikan asas dan sumber rujukan dalam kajian ini.

#### 1.3.1 Teori Pilihan (*Choice Theory*)

Teori Pilihan diasaskan oleh William Glasser, seorang doktor klinikal psikologi yang telah dilahirkan di Cleveland Ohio, California pada 11 Mei 1925. Teori Pilihan membincangkan tentang bagaimana seseorang individu itu bertingkah laku dan mengapa mereka bertingkah laku. Malah prinsip Teori Pilihan adalah manusia menghasilkan tingkah laku untuk mencapai matlamat bagi memenuhi keinginan mereka, memenuhi kehendak dan menutup jurang antara apa yang manusia hendak dan apa yang mereka rasa mereka dapat daripada dunia luar. Teori Pilihan mengajar kita bahawa kita mampu mengawal kehidupan kita jauh daripada yang kita sangkakan. Namun kebanyakan cara kita mengawal tidak berkesan (Glasser, 1999).

Glasser (1985) telah menekankan bahawa manusia melihat dunia melalui lima

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
 kelangsungan hidup (*survival*) dan keperluan psikologi dibahagikan kepada empat bahagian iaitu keperluan kepunyaan (*love and belonging*), keperluan kuasa (*power*), keperluan kebebasan (*freedom*) dan keperluan keseronokan (*fun*).

Menurut Glasser (1998), kelangsungan hidup adalah seperti makan, minum, tinggal, keselesaan, berani mengambil risiko, kewangan, keselamatan, kesihatan dan kemudahan. Kelangsungan hidup juga merujuk kepada keinginan untuk bekerja kuat, keinginan terhadap seks, keinginan terhadap kelangsungan hidup menerusi kesihatan (*diet*) dan keinginan makan untuk hidup. Keperluan kelangsungan hidup bagi manusia dan haiwan adalah berbeza. Manusia sentiasa sedar tentang keinginan kita dan kemauan kita. Manusia dapat kawal misalnya *diet* tetapi haiwan tidak boleh.

Keperluan fisiologi pertama ialah kepunyaan seperti cinta, kasih sayang, perasaan, intim, hubungan keluarga, hubungan kawan dan penglibatan. Menurut Glasser (1998), kepunyaan merujuk kepada keinginan untuk dikasih dan mengasihi serta keinginan untuk rasa mempunyai dan dipunyai. Manusia memerlukan rasa kepunyaan seperti keperluan kepada rakan, keluarga dan kasih sayang. Keperluan psikologi kedua ialah kuasa iaitu satu keperluan penghargaan kendiri, dihargai dan bersaing (Glasser, 1985). Tegas Glasser (1998), kuasa juga merujuk kepada keinginan untuk mendapat lebih daripada orang lain. Manusia inginkan kehormatan tinggi dalam masyarakat. Manusia juga suka dilihat sebagai orang penting, berorientasikan ejayaan, berkemahiran, cekap, inginkan penghargaan, rasa diri bernilai, berfaedah kepada orang lain, mengawal, berjaya melakukan sesuatu dan sukakan pertandingan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
Menurut Glasser (1998), keperluan psikologi ketiga ialah keperluan kebebasan seperti ekspres idea, bebas memilih, kreatif, terus bergerak, tidak bergantung, membuat keputusan sendiri, banyak pilihan dan tidak takut. Glasser (1985) menjelaskan keperluan kebebasan ialah satu keinginan untuk membuat pilihan dan keputusan. Jika manusia tiada kebebasan meluahkan idea, kreativiti manusia akan tergugat. Keperluan kuasa akan menjadi satu isu apabila manusia berasa kebebasan diri tergugat. Keinginan bebas adalah usaha untuk mengimbangi antara keinginan orang lain mengawal hidup manusia dan keinginan manusia untuk bebas daripada cengkaman. Apabila kebebasan tergugat, kemanusiaan kita juga tergugat (Glasser, 1998). Dalam keperluan kebebasan, manusia selalu hendak jadi diri sendiri iaitu manusia ingin dilihat berbeza daripada orang lain.

Keperluan psikologi yang keempat ialah keseronokan. Menurut Glasser (1985), keperluan keseronokan merujuk kepada satu bentuk keperluan untuk bermain, berehat, ketawa, gembira, pembelajaran, hobi, melakukan aktiviti yang disukai dan humor. Keseronokan adalah penghargaan genetik pembelajaran. Pada hari manusia berhenti bermain, manusia berhenti belajar, maka keperluan keseronokan tidak dipenuhi. Jadi, manusia akan bermasalah. keseronokan belajar akan berlaku menerusi proses pembelajaran antara guru dan pelajar.

Mengikut Glasser (1998), punca manusia menanggapi realiti berbeza daripada orang lain adalah berkait rapat dengan perkara yang unik dalam diri manusia iaitu arapan atau keinginan (*quality world*). Setiap manusia mempunyai gambaran

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
enggan orang lain, benda, kepercayaan dan situasi yang manusia alami. Semuanya ini

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS akan menghasilkan satu kehendak yang manusia tetapkan. Dunia kecil dalam diri manusia ini tercipta dalam memori hidup manusia sejak kecil dan berterusan tercipta sepanjang hidup. Memori ini akan membayangkan cara manusia memuaskan keperluan diri. Gambar ini tergambar menerusi orang yang paling manusia ingin jadi, hal yang manusia ingin alami dan idea atau sistem kepercayaan yang membentuk tingkah laku manusia. Manusia tidak tahu keperluan asas mereka. Apa yang manusia tahu ialah bagaimana manusia berasa dan manusia ingin sentiasa berasa senang sedapat yang mungkin. Manusia akan rasa seronok hanya apabila manusia dapat menyesuaikan dengan harapan atau keinginan diri (Glasser, 1998).

Menurut Glasser (1998), manusia selalu mendefinisikan realiti dalam cara yang terbaik bagi diri manusia. Manusia susah hendak melihat sesuatu situasi secara objektif melainkan melibatnya dari skop harapan atau keinginan. Dalam usaha memenuhi keperluan asas manusia, manusia berterusan mencipta dan terus mencipta harapan atau keinginan. Setiap kali manusia berjaya memenuhi gambar dalam harapan atau keinginan, manusia akan rasa seronok dan puas hati. Jadi, manusia akan membina identiti jaya seperti jadi diri sendiri (*do it person*), simptom manusia positif (*positive symptom person*) dan manusia memenuhi hasrat (*fulfill person*). Manusia beridentiti (*identity person*) ialah individu berusaha sendiri untuk mempertingkatkan dirinya seupaya mungkin. Simptom manusia positif ialah kita boleh berfikir secara kreatif, positif, konstruktif, tegas dan altruistik. Manakala manusia memenuhi hasrat ialah manusia dapat memiliki rasa bebas, seronok, rasa disayangi dan menyayangi, rasa cekap dan mempunyai harga diri.


identiti gagal akan dibina seperti manusia berputus asa (*give up person*), simptom manusia negatif (*negative symptom person*) dan manusia bertingkah laku negatif (*negatively addicted person*). Manusia berputus asa ialah manusia tidak mengambil tanggungjawab untuk menyelaraskan tingkah laku agar selari dengan harapan masyarakat umum. Simptom manusia negatif ialah individu tinggalkan tanggungjawab dengan menunjukkan kekecewaan dan tingkah laku adaptif. Manakala manusia bertingkah laku negatif menunjukkan individu bersifat terasing, kritik diri tinggi, tidak rasional, tidak gembira dan tidak bertanggungjawab.

Individu yang menghadapi kegagalan terdorong untuk memilih tingkah laku tidak bermoral. Individu bermasalah disebabkan tidak mahu bertanggungjawab ke atas pilihan mereka. Individu juga bermasalah apabila individu gagal memenuhi apa yang mereka inginkan (*quality world*) berdasarkan keperluan asas dan memilih tingkah laku negatif untuk menafikan realiti. Ciri penafian terhadap realiti menjadi ciri yang lazim kepada individu bermasalah (Glasser, 1985).

Pilihan ialah seperti berikut:

1. Tingkah laku yang boleh individu kawal adalah diri individu itu sendiri.
2. Semua yang individu dapat daripada orang lain adalah maklumat.
3. Kebanyakan masalah psikologi adalah berpunca daripada masalah hubungan (*relationship problems*).
4. Masalah hubungan selalunya sebagagian daripada kehidupan semasa.
5. Apa yang berlaku pada masa lepas adalah untuk masa sekarang dan merancang untuk masa depan.
6. Individu mempunyai keperluan asas (*basic needs*) yang ingin dipenuhi:
  - i. Kepunyaan (*love & belonging*)
  - ii. Kuasa (*power*)
  - iii. Keseronokan (*fun*)
  - iv. Kebebasan (*freedom*)
  - v. Kelangsungan hidup (*survival*)
7. Individu rasa puas setelah memilih untuk memenuhi kehendak (*quality world*) nya.
8. Semua yang individu lakukan adalah tingkah laku atau kelakuan individu tersebut. Semuanya adalah tingkah laku keseluruhan (*total behaviour*) yang meliputi aspek tindakan (*acting*), fikiran (*thinking*), perasaan (*feeling*) dan fisiologi (*physiology*).
9. Biasanya tingkah laku keseluruhan dibentuk daripada perkataan. Contoh saya memilih untuk depress atau saya depress.
10. Semua tingkah laku keseluruhan (*total behaviour*) adalah pilihan, tetapi mudah kita kawal melalui tindakan (*acting*) dan fikiran (*thinking*).

Rajah 1.1 Kerangka Teoritikal (*Choice Theory*)




Sumber dari "Kerangka Teoritikal (*Choice Theory*)" oleh Glasser, 1998

**1.3.2 Model Pembinaan Soal Selidik (Brown, 1983 dalam Sidek, 2005)**

Model Pembinaan Soal Selidik daripada Brown (1983) dalam Sidek (2005) telah dijadikan satu panduan kepada pengkaji untuk mengkaji kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur keperluan asas. Terdapat 8 langkah dalam model ini perlu diikuti untuk membina soal selidik. Langkah-langkah tersebut ialah spesifikasi tujuan, mengubah tujuan ke dalam bentuk operasional, definisi tret, penulisan item, mencuba dan analisis item, menyusun dan menulis borang akhir, piawaian dan analisis teknikal.



**Rajah 1.2 Aliran Proses Pembentukan Alat Ukuran**

*Rajah 1.2 Sumber dari "Aliran Proses Pembentukan Alat Ukuran" oleh Brown, 1983*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
Berdasarkan kepada Model Brown, langkah pertama yang perlu dijalankan ialah pembina ujian akan menentukan secara khusus apakah tujuan alat ukuran yang ingin dibentuk atau dengan kata lain menentukan spesifikasi tujuan (Sidek, 2005). Dalam kajian ini, spesifikasi tujuan ialah pembinaan kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur keperluan asas Teori Pilihan. Selepas spesifikasi tujuan dibina, Pembina ujian akan mengubahnya ke dalam bentuk operasional iaitu bentuk yang boleh diukur. Dalam kajian ini, tujuan yang berbentuk operasional ialah pembinaan kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur yang mampu mengukur keperluan asas Teori Pilihan iaitu kelangsungan hidup, kepunyaan, kebebasan, kuasa dan keseronokan.

Peringkat seterusnya ialah pembina ujian akan mendefinisikan tret. Di peringkat ini semua tret atau gagasan yang hendak diukur mestilah didefinisikan dengan jelas dan terperinci. Ini boleh dilakukan melalui kajian literatur yang mendalam ke atas buku-buku dan bahan-bahan lain yang berkaitan bertujuan untuk memahami tret atau gagasan tersebut (Brown, 1983 dalam Sidek, 2005).

Berdasarkan kepada definisi tret atau gagasan yang telah dikenal pasti, pembina alat ukuran akan menggubal item atau menulis item-item yang mewakili tret yang telah dikenal pasti. Dalam kajian ini, pembina ujian akan menghasilkan banyak mungkin item bagi setiap tret yang telah dikenal pasti berpandukan kepada definisi tret yang telah disediakan (Brown, 1983 dalam Sidek, 2005).

Seterusnya pembina ujian akan mencuba dan analisis item. Pada peringkat ini,

engkaji perlu menjalankan kajian rintis untuk menentukan mutu item yang telah bentuk. Melalui kajian rintis ini item-item yang bermutu atau item-item yang